

PERSEMPAHAN MEDIA WARISAN MALAYSIA

Mohd Nefi Imran Djaman

Media Warisan Melayu

Satu mata kuliah Media Warisan Malaysia (Melayu) pertama kali diperkenalkan di Jabatan Media, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya. Mata kuliah ini sebenarnya adalah mengantisipasi dan melengkapi pembelajaran kursus media. Dewasa ini pembelajaran media dan komunikasi tampaknya cenderung mendekati bentuk komunikasi moden. Dalam media warisan, materi yang utama ialah mendedahkan mahasiswa kepada media warisan tradisional Melayu. Gagasan ini pada peringkat awalnya supaya lebih memiliki nilai-nilai estetika dan etika yang tinggi untuk budaya dan media warisan tempatan.

Di samping itu, satu pemikiran yang sangat dipuji ialah, kerana selama ini mahasiswa Jabatan Pengajian Media ini selalu diperkenalkan dengan hal-hal yang berhubung dengan media berteknologi tinggi dan canggih. Termasuk di dalamnya ialah beberapa kaedah dalam bidang penerbitan, produksi, pemasaran dan atau penulisan kreatif sekalipun dalam bentuk berita, biografi, retorika, kupasan filem, dan sebagainya. Kebanyakannya masih menggunakan teori-teori Barat.

Di sisi lain, satu kesedaran yang menggembirakan ialah bahawa bangsa Malaysia masih perlu meninjau dan mengangkat beberapa teori "Media Warisan Tradisi" mereka ke tengah-tengah dunia ilmu pengetahuan. Alasan saya yang utama menjadi perhatian ialah memperkenalkan beberapa bentuk media warisan tradisi itu dan mengangkatnya sebagai ilmu pengetahuan melalui jinjang akademik yang boleh pula mensejajarkan media warisan tersebut dengan perkembangan dan pertumbuhan media moden, yang pada prinsipnya media moden itu serba memiliki kemudahan dan efisien dalam mempergunakannya. Media warisan tradisi itu hendaknya dipandang perlu sebagai memantapkan pengetahuan budaya dan khazanah kesenian tempatan yang berasaskan isu-isu yang umum dalam media warisan tradisi tersebut mengikut sejarah dan pertumbuhan.

Selama empat belas minggu (akhir Mei hingga September 1998) saya berpengalaman mengamati dan berdialog dengan mahasiswa yang pertama kali mengambil kursus Media Warisan Malaysia yang ditawarkan di jabatan itu. Dalam kenyataan, masih ada antara mereka belum mengenali struktur dan kerangka asas bentuk media warisan tradisi yang ada di persekitaran mereka. Apalagi mereka yang berasal dari kampung-kampung, dan mereka

belum banyak dan tidak mengenali juga seni media “komunikasi rakyat” itu berkembang di tempat asal mereka. Ini suatu yang menjanggalkan. Bahkan ada yang belum pernah melihat persembahan Rodat, Hadrah, Tarik Selampit, Awang Belanga, Awang Batil, Jidor, Bongai, Endang, Nazam (Nalam), Malaung-Payang, Pesta Gawai, Main Peteri, Sewang, dan sebagainya. Hal ini sesuatu yang menyediakan pula, kerana sebagai warga negara tempatan sebenarnya mereka lah yang akan lebih awal mengenalinya. Kemudian baru mereka mengenal bentuk-bentuk persembahan yang berunsurkan media moden yang diimport dari negara luar, sama ada dalam bentuk persembahan ataupun hasil produk seni kreatif yang disampaikan secara langsung ataupun tidak dengan menggunakan pelbagai media moden.

Kenyataan ini, suatu persoalan yang mesti kita cari penyelesaiannya bersama-sama kerana perkembangan teknologi media, komunikasi dan maklumat pada generasi sekarang telah diharapkan kepada bentuk-bentuk media moden yang setiap masa boleh mereka dapat di bilik-bilik dan ruang tetamu rumah-rumah mereka, misalnya majalah, surat khabar, televisyen, radio, *video-tape*, *compat-disc*, internet, laman-web, Malaysia-on-net, siber, atau Koridor Raya Multimedia (MSC). Sebaliknya, bentuk seni media warisan tradisional agak sukar dan malas bagi mereka untuk menyaksikan persembahannya di persekitaran mereka. Bahkan sesetengah mahasiswa sekarang tampaknya memberikan tanggapan yang sinis atau “negatif” bilamana sebuah seni media tempatan dilihat yang berdekatan dengan lingkungan rumah mereka. Termasuk juga dengan generasi muda yang tinggal di kampung-kampung. Misalnya sebuah persembahan Randai di Gombak atau Beranang yang hanya boleh ditonton beberapa orang saja. Sebenarnya mereka yang diam di kampung itulah yang sepatutnya menyokong tumbuhnya bentuk seni persembahan yang berunsurkan “komunikasi massa” tersebut – berkesan penuh mempunyai nilai adat istiadat dan memiliki ciri-ciri khusus yang unik. Lagi pula keunikannya berbeza dengan cara pergaulan dalam perhubungan masyarakat sebagaimana kita kenali dalam pelbagai teori “antropologi-budaya” suatu bangsa di Eropah misalnya.

Untuk pembinaan ini, sangat diharapkan peranan mahasiswa apabila mereka balik ke kampung, mereka hendaknya dapat menjadi penggerak dan menyumbangkan pemikiran untuk menyedarkan masyarakat betapa perlunya pembangunan seni budaya yang ada pada kita, khususnya kesenian yang memiliki aspek media komunikasi secara warisan tradisi di mana ia boleh membuktikan bahawa kita mempunyai ciri-ciri bangsa yang berbudaya serta tamadun yang tinggi. Oleh itu, sebagai contoh aspek-aspek yang dikandungi dan berfungsi dalam seni media warisan tradisi tempatan, meliputi ciri-ciri daripada nilai-nilai luhur bangsa:

- 1) adanya unsur pendidikan budaya dan perlindungan khazanah seni budaya bangsa;
- 2) memaparkan perkembangan psikologi dan apresiasi masyarakat;
- 3) meningkatkan rasa estetika dan etika adat resam;
- 4) melatih minda dan peningkatan kemampuan kritikal, dan
- 5) menghargai hasil karya seseorang atau kumpulan masyarakat tradisi.

Peranan Media Warisan sebagai Seni Komunikasi Masyarakat

Terdapat lima persoalan penting untuk melihat media warisan tradisi Melayu. Hal ini telah saya bahaskan bersama mahasiswa pada semester ini, tahun 1998. Sebagai penyokong saya turut juga menyelaraskan pertumbuhan antara media moden dengan perkembangan media warisan tradisi di rantau Asia Tenggara, terutama di Malaysia dan Indonesia. Persoalannya sebagai berikut:

PERSEMBAHAN MEDIA WARISAN MALAYSIA

- 1) Bagaimana peranan media sekarang dalam bentuknya yang tradisi dan moden?
- 2) Meninjau struktur media warisan itu daripada bentuk-bentuk struktur persembahan dan pengaruh dalam masyarakat?
- 3) Permasalahan apa yang sedang dihadapi penggerak media tradisi sebagai warisan lama?
- 4) Harapan dan himbauan yang bagaimana untuk menghadapi tantangan media moden?
- 5) Perlukah media warisan sebagai ilmu pengetahuan tetap dipersoalkan pada peringkat akademik?

Kemudian, kita tinjau pula persoalan media warisan tradisi yang berunsurkan komunikatif di alam Melayu. Misalnya beberapa genre seni persembahan yang termasuk ke dalam unsur media komunikasi ini, dapat kita kenali melalui seni persembahan rakyat yang cukup beragam bentuk dan coraknya. Pada sesetengah masyarakat tampaknya ada usaha membangun dalam pelbagai aspek yang cukup mendapat. Hampir seluruh pembangunan media dalam erti umum, jelas mendekatkan diri kepada bidang maklumat dan komunikasi, sains dan teknologi, atau sosiobudaya dan kesenian. Dalam persoalan lain, kita dapat melihat peranan "media massa" seumpama akhbar, radio dan televisyen tumbuh dengan marak dan berleluasa. Akan tetapi perlu juga diambil kira, untuk menghadapi semua itu dan banyak faktor lain yang mesti dilihat untuk menghadapi pengaruh serta tantangan yang kurang menguntungkan di satu sisi yang lain. Banyak kes yang telah diberitakan dalam media massa berkenaan dengan hal-hal yang kurang baik dan tidak kena dengan penggunaan beberapa alat media dalam kehidupan yang serba moden ini. Pengaruh itu perlu sedikit sebanyaknya turut berpunca dari hubungan komunikasi seperti misalnya diakibatkan daripada media massa, media cetak, dan media elektronik yang tanpa sempadan ini. Komunikasi kadangkala sangat menguntungkan dan manfaatnya sangat besar dalam kehidupan hari ini.

Sebuah contoh yang tidak kena ialah misalnya; saya temui pada sebuah keluarga di Cheras, Kuala Lumpur. Ceritanya: seorang ibu suri rumah menerima panggilan telefon. Pihak yang menelefon itu ingin berbual dengan anaknya melalui telefon. Ketika itu waktu telah menunjukkan pukul dua setengah pagi. Lalu si ibu menanyakan nama dan keterangan orang yang memanggil itu. Tetapi orang itu tidak mahu menyebutkan namanya dan tidak memberikan keterangan yang jelas. Dengan rasa marah si ibu mengatakan bahawa anaknya telah tidur sambil meletakkan telefon tersebut. Akhirnya si ibu tadi mulai termenung dan berfikir. Barangkali telefon sebagai alat media yang boleh masuk ke rumah kita pada pagi hari sewaktu kita sedang tidur, mungkinkah ini akan mengganggu kita? "Tentu sahaja suasana ini mengganggu". Dan alat telefon boleh memperburuk suasana hubungan antara si anak dengan ibunya atau hubungan si anak dengan sahabatnya di luar rumah itu.

Contoh lain, mungkin kita banyak menemui hal yang sama, berkenaan dengan alat media komunikasi seperti telefon yang diceritakan di atas. Misalnya lagi beberapa tayangan televisyen yang kurang sesuai untuk segolongan orang tertentu. Atau melalui CD-CD lucah, *video-tape* yang banyak diperjualbelikan secara haram dan ini menandakan juga sesuatu yang kurang baik dari segi mendidik moral anak-anak remaja. Tetapi sebaliknya, di antara media cetak, bergambar dan elektronik itu, ia turut juga menguntungkan dalam kehidupan sekarang, iaitu apabila ia tidak disalahgunakan. Keuntungan, terutama sewaktu kita menyampaikan sesuatu maklumat penting, pesan-pesan, propaganda, merekod beberapa dokumentari, dan sebagainya. Pemakaian dan fungsi ini semua telah pun diadakan berteknologi canggih dan moden dengan perbelanjaan yang mahal.

Oleh yang demikian, bentuk alatan tersebut dapat dikategorikan sebagai alat komunikasi moden. Di samping itu pula, kalaular kita sepakat mengenali bahawa apa yang

dikatakan sebagai alat komunikasi moden telah mengglobal dan merentas dunia ini, tentu ada pula sebelumnya alat komunikasi secara tradisional dalam bentuk kondisinya yang lama atau konvensional. Tentu pula kita bertanya, seperti apa alat media komunikasi tradisi itu? Bagaimana rupa bentuknya? Dan di mana ia boleh ditemui? Dan dalam bentuk apa pula fungsi media warian tradisi itu pada masyarakat? Seterusnya seseorang bertanya kepada saya, dan ini satu kes yang menarik: "Apa peranan media komunikasi dalam kesenian tradisional itu? Apakah memang betul ada aspek media dalam seni persembahan rakyat Melayu?"

Kalau kita merujuk pada zaman lampau di alam Melayu ini, banyak tanda yang boleh memberikan contoh persoalan yang sama dengan perhubungan langsung yang sangat interaktif sekali. Pada umumnya, sesetengah masyarakat mengetahui sesuatu maklumat atau penjelasan dengan menyertai lambang-lambang tertentu yang boleh ditemui dalam pelbagai aktiviti masyarakat Melayu. Misalnya sesuatu alat yang berupa beduk, tabuh, ketuk-ketuk, tong-tong, jidor, canang, tambur, bendera, dan lainnya. Semua ini hanya berupa bunyi dan tanda perlambangan dari suara yang memberikan petanda bahawa ada sesuatu yang akan disampaikan. Atau bunyi itu menunjukkan bahawa di sana sedang barada sekumpulan orang yang sedang melakukan sesuatu. Misalnya, sebuah alat canang atau beduk akan berfungsi sebagai alat penyampai atau pemberitahuan kepada orang ramai. Alat ini penting untuk tanda komunikasi massa dalam masyarakat Melayu tradisi. Bentuk-bentuk alat dan tanda-tanda tradisi ini masih dapat diketahui di beberapa tempat. Meskipun ia sudah agak jarang diguna dan berbentuk kuno, tetapi masih ada masyarakat yang menggunakan sebagai "pusat" atau "tanda" untuk menjelaskan sesuatu pemberitahuan atau maklumat. Misalnya sebuah beduk, gendang atau tong-tong. Fungsi utamanya adalah memberitahu sesuatu hal seperti kematian, kebakaran, bergotong-royong, keramaian tertentu, atau tanda masuknya waktu sembahyang bagi orang Islam.

Kita tinjau pula peranan atau maklumat atau alat media tradisi tersebut. Ia dapat digunakan sebagai sarana tempat menyampaikan maklumat dan menjadi penting di dalam adat resam kebiasaan orang-orang Melayu masa lampau. Di Kedah misalnya, peranan dan fungsi "Gendang Raya" yang berupa scjenis tabuh atau beduk, sangat menjadi perhatian khusus bagi kaum muda menjelang Hari Raya Islam tiba. Alat ini masih ditabuh dan diguna pada setiap tahun sebelum tahun 1970-an. Pemukulan gendang raya tersebut berfungsi sebagai tanda dan digunakan pada Hari Raya Islam. Gendang ini turut dipukul beramai-ramai oleh belia di perkarian masjid atau surau. Suasana ini menjadi suatu kenangan tersendiri pula bagi orang tua-tua sekarang. Pada masa ini, mereka tidak dapat lagi mendengarnya apabila mereka kembali ke kampung.

Di Johor dan Selangor, alat yang berupa beduk, kompong, atau beduk-jidor, kompong jidor atau kumpulan muzik Gendang Nobat dimainkan di pesekitaran istana, masjid atau surau-surau. Permainan ini boleh dikatakan menjadi alat media pemberitahuan dan hiburan. Ia sering digunakan dalam pelbagai suasana dan keramaian belia serta masyarakat pada masa lampau dan sebahagian pada hari ini diikutsertakan pada masjlis-majlis tertentu seperti perkahwinan. Misalnya beduk, tabuh atau kentung mempunyai peranan penting di kampung-kampung dengan irama yang pelbagai. Bunyi demikian mempunyai petanda juga untuk memberitahu maklumat yang telah disepakati bersama untuk keadaan tertentu seperti kematian atau kebakaran. Umpamanya, apabila pukulan beduk atau kentung khas dipukul tujuh kali, dan dilanjutkan dengan pukulan panjang, akhirnya disudahi dengan pukulan terputus-putus tujuh kali lagi. Bunyi irama demikian menandakan bahawa seseorang

dewasa meninggal dunia di kampung itu. Kemudian, apabila pukulan tiga kali, dan dilanjutkan dengan pukulan panjang, lalu diakhiri dengan tiga kali lagi terputus-putus, ini pula menandakan bahawa ada budak yang meninggal dunia di kampung itu.

Bentuk dan macam-macam pukulan khas yang telah disebutkan di atas, menandakan pula adanya kemauan dalam masyarakat kampung itu untuk sama-sama memahami tanda atau bunyi yang diperdengarkan. Hal ini terjadi secara turun-temurun. Lain pula halnya dengan penggunaan tanda bunyi seperti Aceh, di Minangkabau, di Jawa, di Bali dan dalam masyarakat Melayu Betawi (Jakarta). Masing-masing mempunyai rentak pukulan yang berbeza-beza sebagai tanda untuk berkomunikasi menggunakan beduk atau tabuh mengikut bunyi dari beduk, tongongan, beduk-jidor atau gendang raya tersebut. Misalnya di Johor, apabila ada budak-budak yang akan berkhatan, sehari sebelumnya, pada sebelah malam keluarga mereka mengadakan malam *Tahlil* atau mengadakan majlis membaca "Selawat" seperti Berzanji, Marhaban atau Selawat Nabi, atau Selawat Dulang (Minangkabau). Acara ini menandakan rasa kesyukuran dan menciptakan suasana gembira. Di Johor, selepas tengah malam mereka yang muda-muda menabuh kompong atau rebana beramai-ramai hingga pagi hari.

Keterangan lisan saya peroleh di Johor tentang upacara berkhatan, para belia yang menabuh kompong-jidor tersebut. Pada sebelah pagi harinya mereka menyarankan, melalui sindiran untuk dapat berkomunikasi secara tidak langsung dengan orang-orang tertentu di rumah itu. Sambil memukul kompong, suara itu diucapkan dengan kata-kata, seperti, "Pak secupak, segentang sedeng! Pak secupak, segentang sedeng" sambil memukul kompong-jidor mereka dengan penuh bersemangat secara berkumpulan. Hal ini merupakan petanda sindiran jenaka bagi mereka kepada orang-orang yang memasak di dapur kenduri tersebut. Dengan maksud, hendaknya segera menyiapkan makanan kerana sudah lapar semalam. Contoh yang lain, ada pula perkataan yang menarik diucapkan oleh Tuk Mudim pada saat beliau akan menghantarkan kanak-kanak. Diucapkan, "Kalau awak menangis awak akan berkahwin dengan janda". Dan seterusnya lagi dikatakan, "Kalau awak tidak menangis dan bertengang awak akan berkahwin dengan dara" di antara gemuruhnya pukulan bunyi kompong. Ini adalah satu ungkapan yang mendidik dalam peribahasa Melayu yang perlu kita amati, di samping ungkapan yang lain. Maksudnya, ucapan ini bermakna sesuatu nasihat supaya kanak-kanak tidak takut dan gementar semasa mereka berkhatan.

Keadaan ini memberi erti sebagai suatu komunikasi yang langsung, dan peranan kompong sebagai media hiburan adalah berguna mengalihkan perhatian budak itu, untuk mengatasi ketakutan yang dialaminya. Bunyi yang dihasilkan oleh pasukan kompong-jidor sudah menjadi petanda bahawa apabila terdengar bunyi kompong sedemikian, itu menandakan adanya majlis berkhatan. Di samping itu, agak menarik pula dalam adat resam Melayu. Misalnya pada waktu seseorang budak berkhatan itu akan dipotong bahagian alat sulitnya, bunyi kompong ini dipukul semakin bertalu-talu. Kononnya ini memberikan suatu tanda bunyi yang bermanfaat dan menguntungkan untuk menghilangkan rasa takut mereka semasa berkhatan tersebut. Beduk-jidor atau kompong-jidor digunakan dalam majlis perkahwinan kerana unsur muzik dan irama yang rancak dapat meraikan suasana menanti tetamu dan orang-orang kenamaan.

Terdapatnya kumpulan kompong adalah sangat menggembirakan sekali hingga dekad ini. Kita masih dapat menikmati permainan kumpulan kompong dengan suara gegak gempita di mana-mana majlis di Semenanjung Malaysia. Boleh juga permainan itu dijumpai di Sumatera dan pulau di sekitaran Indonesia. Ini satu bukti menandakan bahawa alat me-

dia kompong itu sebagai hiburan dimainkan sekitar majlis dan perarakan. Barangkali saja bentuk rentak atau pukulannya perlu dipelbagai lagi untuk mendapatkan suasana estetik yang mempunyai pertumbuhan lebih unik. Begitu juga dengan jenis “selawat” yang diucapkan perlu menjadi perhatian budayawan dan seniman kita. Gaya dan bentuk suara yang menjerit-jerit itu menjadikan makna yang disampaikan melalui bahasa yang diucapkan tidak jelas. Meskipun itu, boleh ia disebutkan sebagai gaya dari semangat dalam konteks persembahannya. Barangkali ada cara lain untuk menjadikan dalam persembahan kompong itu dan jenis seperti Rodat, Hadrah, Zikir, dan Marhaban misalnya sebagai “bahasa komunikasi”. Hendaknya masyarakat dapat menikmati dan memahami teks yang diucapkan. Mungkin kita sepandapat bahawa acara persembahan kompong yang sedemikian perlu juga mendapat pengubahsuaihan, sehingga kesinambungan budaya kompong atau media seni warisan yang lain dapat kita pupuk sepanjang masa.

Bentuk-bentuk gendang dan tanda bunyi lainnya, sebagai media komunikasi tradisional mempunyai ciri-ciri komunikatif secara tradisi misalnya seperti di negeri:

Perlis	: Awang Batil, Gendang Nobat.
Kedah	: Gendang Raya, Hadrah, Gendang Nobat.
Kelantan	: Dikir Barat, Rebana Ubi, Ketuk-ketuk, Rebana Besar, Gendang Silat.
Selangor	: Beduk, Komplingan, Gendang Cempuling, Gordang Sembilan.
Negeri Sembilan	: Tabuh, Beduk, Tumbuk Kalang, Ketuk-Ketuk, Tongtongan.
Johor	: Kompang Jidor, Kentongan, Beduk.
Terengganu/Pahang	: Gendang Radat, Rebana Kercing, Tar.
Sabah/Sarawak	: Gendang, Gendang Burdah, Rebana atau Zikir Burdah.
Kaum Orang Asli	: Buluh, Kentongan Kayu.

Sebahagian besar bentuk alat muzik dan simbol bunyi dalam pelbagai persembahan, kadang-kadang dikenali dengan pelbagai nama dan sebutan. Walaupun namanya berbeza, namun fungsinya sama untuk diguna dalam media perhubungan maklumat dan hiburan. Secara tradisi, konteks persembahan hiburan Rodat saya perhatikan di Festival Budaya Sukan Komanwel 1998 di pentas terbuka Pasar Seni, Kuala Lumpur. Bunyi alat rebana sangat mendominasi persembahan, sehingga menenggelami bentuk teks sastera yang diucapkan. Hal ini sangat banyak ditemui dalam seni persembahan bersifat komunikatif pada masyarakat rakyat Melayu mana pun. Walaupun telah terjadi perubahan aspek bentuk persembahannya dari kampung ke bandar, atau dalam bentuk duduk di lantai kepada persembahan berdiri dan berjalan. Tentu pula yang menyaksikannya sudak berubah dari komuniti kampung didedahkan kepada komuniti bandar yang berbilang bangsa. Oleh itu, persoalan seni media komunikatif perlu menjadi perhatian para seniman dan orang-orang yang menggiatkan media warisan tradisi ini, supaya perubahan yang memiliki nilai estetika budaya yang tinggi bolchlah dinikmati oleh orang ramai.

Seni Media Persembahan yang Bertema Islam

Seni media warisan Melayu bercirikan nilai budaya adat resam dan sedikit banyaknya dipengaruhi oleh kebudayaan tamadun Islam. Terdapat beberapa persoalan yang saya kemukakan:

PERSEMBAHAN MEDIA WARISAN MALAYSIA

- 1) Bagaimana kita membentangkan budaya Melayu, Islam dan pembentukan simbol-simbol media, seperti kes yang ada dalam masyarakat di Aceh, Minangkabau, Jawa, Johor, Terengganu, Kelantan dan lainnya.
- 2) Kita perlu melihat sosialisasi tradisi kesenian yang mengandungi aspek media, misalnya: i) perwarisan, (ii) sejarah, dan (iii) pertumbuhan, perkembangan serta fungsi alat yang diperlukan.
- 3) Masalah lain, bagaimana melihat dimensi kesenian yang meliputi; (i) seni media warisan sebagai alat perhubungan kemasyarakatan, (ii) seni media sebagai bawah sedar kolektif, (iii) seni media sebagai solidariti manusia, (iv) seni media sebagai hiburan massa, dan (v) seni media sebagai komunikatif dan informatif yang terarah.
- 4) Bagaimana melihat dimensi tradisi agama dalam kesenian yang bertema Islam di alam Melayu iaitu, (i) seni ibadah, dakwah dan propaganda, (ii) seni sebagai upacara, (iii) seni persembahan sebagai seni sastera dan penulisan, dan (iv) seni sebagai media warisan tradisional sesebuah bangsa.
- 5) Apa yang berlaku pada seni bertema Islam dalam perubahan tradisi: (i) dalam peranan hubungan seniman, masyarakat dan kerajaan, (ii) prospek seni persembahan bertema Islam sebagai tradisi yang bersinambungan, dan (iii) pemuliharaan dan perkembangan kesenian atau seni kebangsaan yang memiliki identiti, dan (iv) menselaraskan perkembangan seni Islam dengan kemajuan teknologi dan perubahan zaman.

Rekomendasi dan Rekonstruksi

Di serata dunia, terutama di Alam Melayu, seni tradisional yang bercorak lisan atau berlambang sesuatu makna, tidak pernah mati. Malah seni itu berkembang menurut masa dan keadaan penggiatnya. Banyak contoh yang boleh dilihat, misalnya beberapa bentuk persembahan rakyat atau upacara ritual suku kaum tertentu. Kesenian media warisan tradisional memainkan peranan utama dalam mewujudkan komuniti yang harmoni dan persaudaraan. Kadang-kadang gaya sesebuah seni persembahan tradisi itu memiliki kaedah yang tersendiri pula mengikut ragam dan corak persembahannya. Di samping itu, sudah jelas fungsi utama daripada kesenian yang memiliki genre seni media tradisi kerakyatan menghubungkan sesuatu pesan, maksud atau makna-makna tertentu. Ini sesuai dengan keperluan seni tradisi itu sebagai media perhubungan masyarakat yang boleh menjambatani perasaan, perbuatan atau karakter tertentu secara individu, orang perseorangan, maupun berkumpulan.

Sebuah kesenian media warisan tradisional yang memiliki elemen komunikatif akan mudah diterima oleh masyarakat pendukungnya, berbanding dengan masyarakat di luar komuniti itu, terutama di dunia Timur yang bersifat ritual, mistik atau religius. Misalnya sekumpulan penggendang Rebana Ubi di Kelantan akan jelas tampak energik dan bermakna dalam mendemonstrasikan pemukulan rebana tersebut. Demikian pula dalam persembahan "Menghadap Rebab" pada kumpulan Makyong kerana mereka lebih memahami gaya permainan melalui perasaan, perbuatan, dan karakter persembahan dalam wilayah komuniti mereka. Begitu dengan persembahan membandingkan gerak tangan Shiu Hsiu dalam genderang Cina, dengan teknik genderang Tabla India atau pergerakan tangan Anyali yang mempunyai maksud tersendiri pula pada kedua-dua kebudayaan itu. Oleh yang demikian,

masyarakat Kelantan akan mudah memahami sikap, atur cara dan kaedah yang berlaku untuk memperoleh maksud daripada bunyi rebana dan peristiwa persembahan yang dikomunikatifikannya.

Perbandingan suasana pertunjukan Rebana Ubi itu pula akan berbeza dengan sekumpulan masyarakat di Pariaman, Sumatera. Dalam sekumpulan masyarakat Pariaman, pemukul gendang Tassa (Tasa) dan Dhol (Dol) dalam upacara perarakan Tabuik (Tabut) akan bermakna lain dalam konteks budaya itu. Ini hanya boleh difahami oleh orang-orang Pariaman saja, berbanding dengan pemukulan gendang Rebana Ubi di Kelantan. Meskipun ia mengeluarkan bunyi dan rentak irama yang sama. Termasuk juga dengan jenis gendang yang ada di merata dunia, ia memiliki maksud serta pengertian simbol berbeza satu dengan yang lain.

Oleh itu, melalui kesenian tradisional gendang-gendang ini, kita diajak untuk memahami makna dan pesan disampaikan oleh masyarakat yang menggiatkan seni itu. Secara bertulis kita memang sukar untuk mengetahuinya dengan mendalam. Sebaliknya, dalam konteks tidak bertulis keindahan dan apresiasi yang unik menjadikan kita memperoleh sesuatu yang berkesan untuk menikmati persembahan itu. Melalui media warisan sesuatu bangsa pula, banyak faktor boleh memberi suasana yang bererti untuk memenuhi keperluan komunikasi secara langsung atau tidak melalui simbol-simbol tertentu. Jelasnya, “komposisi bunyi” muzik yang menggelegar dan gamat, telah menggubah perhatian kita ingin mendengar dan melihat apa yang berlaku dari sumber bunyi tersebut. Keteraturan bunyi yang rancak itu menjadikan alat-alat muzik tradisi masih berguna dan bersfungsi dalam masyarakat tertentu sebagai media mengajak atau tanda pemberitahuan. Misalnya untuk majlis seremoni, keperluan upacara adat-istiadat, dan keramaian-keramaian lainnya.

Banyak faktor boleh memberikan fungsi daripada “media tradisional” yang bertindak dan berlaku sebagai kesenian warisan kita, untuk membandingkannya dengan media moden yang memiliki teknologi tinggi. Keuntungan utama misalnya aspek pendidikan anak, kemantapan psikologi, disiplin diri, aktiviti kumpulan, meningkatkan nilai estetik, menggali keilmuan dan mengukuhkan corak budaya. Walaupun media warisan tradisional adalah persoalan lama yang telah mentradisi, keadaan ini perlu diketengahkan dan dirancang sebagai persoalan ilmu dewasa ini di mana fungsi utama menyelaraskannya dengan peranan media-media moden seperti akhbar, radio atau televisyen. Kesenian yang tergolong ke dalam warisan tradisional perlu dipertingkat untuk menemukan aspek-aspek yang disebutkan di atas tadi. Oleh itu kita jangan cemas. Namun kemantapan media moden akan mengalami perubahan yang berterusan pada setiap waktu.

Kerana itu, mengenali media warisan tradisi Melayu-Nusantara perlu ditelusuri sebagai khazanah humanisme. Sehingga kita dapat pula mengetahuinya bagaimana sejarah “komunikasi massa” yang telah berlaku pada masa lampau. Di samping itu, kita turut juga mengenali teknologi pembuatan alat-alat media tradisi yang ada dari dahulu hingga sekarang. Dengan mengenali seni media warisan tradisi itu pada masa ini, apa sumbangan kita untuk mengisi pembangunan negara. “Yang menjadi persoalan ialah bagaimana memasukkan dan menyusun idea-idea komunikatif yang bermuatan edukatif ke dalam media tradisi itu”, sehingga dalam persembahan dan mesej yang hendak disampaikan memenuhi sasaran yang tepat kepada orang ramai. Walaupun media warisan tradisional wujud dalam bentuk persembahan lisan, simbolik atau estetik yang kadang-kadang sukar difahami bersama, di balik itu faktor menguntungkan untuk mempengaruhi masyarakat, terutama dalam persoalan falsafah, kesenian, folklor atau antropologi-budaya. Sehinggakan media warisan tradisional mendapat tempat dalam dunia ilmu pengetahuan suatu bangsa yang bertamadun.

PERSEMBAHAN MEDIA WARISAN MALAYSIA

Pada masa mendatang kelihatannya seni persembahan media warisan tradisional Melayu yang sedia ada atau hampir lopus akan berubah dan menuju kepada bentuk seni yang berguna untuk sarana media komunikasi dan hiburan. Ini terbukti hampir seluruh pesta atau festival menggunakan alat muzik tradisi sebagai kelengkapan pertunjukan untuk menarik minat orang ramai dan menjadi tumpuan perhatian pula sebagai pembuka tirai persembahan pesta tersebut. Sehingga persembahan itu mencerminkan seni budaya negaranya.

Merujuk bentuk-bentuk seni media warisan tradisional itu adalah seperti permainan anak negeri, upacara, nyanyian rakyat, tarian, muzik, teater, teks sastera, folklor, dan sebagainya. Meskipun kegunaannya akan terjadi baik secara langsung atau tidak, antara bentuk media warisan ini ia banyak mengandungi nilai budaya dan karakter masyarakat yang boleh kita lihat berdasarkan sejarah evolusi persembahan itu. Bagaimana pula perkembangan dalam komuniti pendukung yang mengutamakan aspek komunikatif. Sementara itu, aspek komunikatif yang dominan akan tampak dalam pelbagai persembahan, misalnya berbalas pantun dalam dondang sayang, tarian endang, nyanyian rakyat, irama kompong, gendang silat, ghazal parti, pembacaan nazam, teks syair, dan sebagainya yang bercorakkan tradisional.

Oleh itu, terminologi media warisan tradisional Melayu-Nusantara akan memperoleh suatu pengertian sebagai produk sistem-sistem komunikasi serta perhubungan yang berada di antara pelaku budaya dengan sebilangan pemakai budaya komuniti tertentu. Pada kesempatan ini dapat diberikan dua pernyataan. Pertama, melalui saluran komunikasi, apakah media warisan tradisional dapat mengambil tempat dalam pembangunan kebudayaan di Malaysia? Kedua, bagaimana atur cara yang ekspresif digunakan media warisan tradisional untuk membeza-bezakan bahasa seni pertunjukan dengan sistem komunikasi lainnya?